RE TONG CHAI CHOON; EX P HUP SENG MACHINERY TRADING CO

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
SULAIMAN DAUD H
[BANKRAP NO: 29-145-2001]
12 SEPTEMBER 2003

KEBANKRAPAN: *Petisyen pemiutang - Notis kebankrapan - Pengenepian - Penghakiman diperolehi di mahkamah sesyen di Sarawak - Sama ada Mahkamah Tinggi Malaya mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan notis kebankrapan dan petisyen pemiutang - Akta Kebankrapan 1967, s. 5 - Perlembagaan Persekutuan, perkara 121(3)*

KEBANKRAPAN: *Notis - Permohonan untuk mengenepikan - Sama ada salinan penghakiman yang disertakan dengan notis kebankrapan tidak mematuhi k. 92 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969*

KEBANKRAPAN: *Petisyen pemiutang - Pengenepian - Sama ada petisyen tidak bermeterai - Sama ada melanggar kehendak k. 109 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 - Sama ada afidavit penyampaian petisyen tidak sejajar dengan kehendak k. 111(2) Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 - Sama ada penghutang terkeliru dengan petisyen - Sama ada hanya suatu kecacatan formal - Akta Kebankrapan 1967, s. 131*

Ini adalah rayuan penghutang penghakiman ('penghutang') terhadap keputusan timbalan pendaftar yang menolak saman dalam kamar baginya mendapat suatu perintah membatalkan petisyen pemiutang. Pemiutang telah mengeluarkan suatu notis kebankrapan dan petisyen pemiutang terhadap penghutang berasaskan kepada suatu penghakiman yang telah diperolehi oleh mereka terhadap penghutang di mahkamah sesyen di Kuching, Sarawak. Dalam affidavit sokongannya, penghutang telah membangkitkan sebagai alasan permohonnya isu-isu yang berikut, iaitu: (i) Mahkamah Tinggi Malaya tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan notis kebankrapan dan petisyen pemiutang kerana penghakiman diperolehi di mahkamah sesyen di Kuching; (ii) salinan penghakiman yang disertakan dengan notis kebankrapan tidak mematuhi k. 92 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 ('Kaedah-kaedah'); dan (iii) petisyen pemiutang tidak dimeterai dan dengan yang demikian melanggari kehendak k. 109 Kaedah-kaedah, dan afidavit penyampaian petisyen pemiutang tidak sejajar dengan kehendak k. 111(2) Kaedah-kaedah.

Diputuskan (menolak rayuan penghutang):

[1] Pembahagian bidangkuasa wilayah yang dinyatakan di bawah perkara 121 Perlembagaan Persekutuan hanya berkenaan dengan Mahkamah Tinggi sahaja dan tidak diperluaskan bagi meliputi mahkamah-mahkamah rendah seperti mahkamah sesyen. Memandangkan bahawa penghakiman ini telah diperolehi dari mahkamah sesyen maka soal mengenai bidangkuasa wilayah tidak timbul langsung. Dalam hal Mahkamah Tinggi sekalipun, walaupun terdapat dua bidangkuasa wilayah yang berbeza, tetapi perkara 121(3) Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan bahawa apa-apa perintah, dikri, penghakiman atau proses kedua-dua Mahkamah Tinggi tersebut mempunyai kuatkuasa dan kesan yang penuh di seluruh Persekutuan. Kesimpulannya, penghakiman yang diperolehi dari mahkamah rendah di Sarawak boleh dijadikan asas bagi pengeluaran notis kebankrapan atau petisyen pemiutang di Mahkamah Tinggi Malaya, dengan syarat penghutang memenuhi syarat-syarat mengenai domisil atau tempat tinggal atau tempat perniagaan, mengikut mana yang berkenaan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 5 Akta Kebankrapan 1967 ('Akta'). Dalam kes ini, penghutang jelas berdomisil di negeri Kelantan, dan dengan yang demikian pemfailan notis kebankrapan dan petisyen pemiutang berkenaan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu adalah teratur dan menetapi kehendak Akta. (ms 349 d-h & 350 a-b)

[2] Kaedah 92 Kaedah-keadah tidak berkaitan langsung dengan penyerahan notis kebankrapan tetapi ia memperuntukkan tentang dokumen-dokumen yang perlu disertakan apabila membuat permohonan bagi pengeluaran notis kebankrapan kepada pendaftar. Dalam kes ini, setelah membuat semakan ke atas penghakiman yang disertakan demikian, adalah tidak diragukan bahawa penghakiman yang disertakan dengan permohonan tersebut adalah suatu salinan pejabat penghakiman berkenaan. (ms 350 e)

[3] Walaupun petisyen yang diserahkan pada penghutang atau yang dilampirkan pada afidavit penyampaian tersebut adalah petisyen tak bermeterai tetapi ternyata bahawa penghutang tidak terkeliru dengan petisyen tersebut. Lagipun, petisyen yang difailkan di mahkamah adalah petisyen yang telah dimeterai dengan meterai mahkamah. Selain daripada membangkitkan isu ketidakpatuhan ini dalam afidavit sokongannya, tiada apa-apa yang terkandung dalam afidavit tersebut yang boleh menunjukkan bahawa penghutang telah terkeliru dengan maksud petisyen tersebut ataupun telah mengalami apa-apa prejudis akibatnya. Ketidakpatuhan sedemikian adalah suatu kecacatan formal semata-mata yang boleh diatasi melalui s. 131 Akta. (ms 352 c-e)

Kes-kes yang dirujuk:
Fung Beng Tiat v. Marid Construction Co [1997] 2 CLJ 1 FC ***(dibezakan)***
Perbadanan Nasional Sdn Bhd v. Pua Lai Ong [1996] 3 CLJ 321 CA ***(dirujuk)***
Re Bahanudin Hj Mokhtar, ex p RHB Bank & Ors [2000] 1 CLJ 593 HC ***(diikuti)***
Re Hj Yahya Lampang, ex p Sabah Development Bank Bhd [1987] 2 MLJ 488 ***(diikuti)***
Re Ong Thiam Kuang, ex p Public Bank Bhd & Ors [2002] 2 CLJ 529 HC ***(diikuti)***
Syarikat Nip Kui Cheong Timber Contractor v. Safety Life and General Insurance Co Sdn Bhd [1975] 2 MLJ 115 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, ss. 5, 131
Bankruptcy Rules 1969, rr. 92, 109(1), 110, 111(2)
Courts of Judicature Act 1964, s. 3
Federal Constitution, arts. 121(3)
Rules of the High Court 1980, O. 32 r. 13(2)(b)
Rules of the Supreme Court 1957, O. 48A r. 1

Bagi pihak penghutang - Nasrul Mohamad; T/n C Jegathesan
Bagi pihak pemiutang - Zamzuri Mohd Husin; T/n Foo Say Gee & Zamzuri

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud H:
Ini adalah rayuan penghutang penghakiman ("penghutang") terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang menolak saman dalam kamar (kandungan 5) baginya mendapatkan suatu perintah membatalkan petisyen pemiutang bertarikh 4 Mei 2001. Permohonan tersebut telah disokong oleh suatu afidavit yang diikrarkan oleh penghutang pada 20 Ogos 2001. Pemiutang penghakiman ("pemiutang") tidak memfailkan apa-apa afidavit jawapan.

Urutan fakta yang membawa kepada permohonan ini adalah seperti berikut. Pada 18 Februari 2001 pemiutang telah memohon kepada penolong kanan pendaftar bagi pengeluaran suatu notis kebankrapan terhadap penghutang berasaskan kepada suatu penghakiman yang telah diperolehi mereka terhadap penghutang di Mahkamah Sesyen Kuching, Sarawak. Berikutannya pemiutang telah mengeluarkan suatu notis kebankrapan bertarikh 18 Februari 2001 dan petisyen pemiutang bertarikh 4 Mei 2001 yang masing-masingnya telah disampaikan ke diri penghutang pada 15 April 2001 dan 31 Julai 2001. Pada 20 Ogos 2001 penghutang telah memfailkan notis hendak membangkang permohonan pemiutang tersebut, dan disusuli kemudiannya dengan permohonan ini.

Dalam afidavit sokongannya, penghutang telah membangkitkan sebagai alasan permohonannya isu-isu yang berikut, iaitu:

(a) Mahkamah Tinggi Malaya tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan notis kebankrapan dan petisyen pemiutang kerana penghakiman diperolehi di Mahkamah Sesyen di Kuching.

(b) Salinan penghakiman yang disertakan dengan notis kebankrapan tidak mematuhi k. 92 Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969 ("Kaedah-Kaedah Kebankrapan").

(c) Petisyen pemiutang tidak dimeterai dan dengan yang demikian melanggari kehendak k. 109 Kaedah-Kaedah Kebankrapan.

(d) Afidavit penyampaian petisyen pemiutang tidak sejajar dengan kehendak k. 111(2) Kaedah-Kaedah Kebankrapan.

Bidang Kuasa Mengeluarkan Notis Kebankrapan, Dsb

En Nasrul Mohamad, peguam terpelajar penghutang, dalam penghujahan bertulisnya telah membangkitkan isu mengenai bidang kuasa mahkamah dalam perkara ini. Peguam terpelajar itu pertamanya menarik perhatian mahkamah kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dan s. 3 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang memperkatakan tentang bidang kuasa wilayah yang berlainan bagi Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Menurut beliau memandangkan penghakiman yang menjadi asas tindakan kebankrapan ini diperolehi dalam bidang kuasa wilayah Sarawak, maka Mahkamah Tinggi Malaya tidak mempunyai bidang kuasa ke atas tindakan kebankrapan ini.

Bagi menyokong hujahnya sedemikian peguam terpelajar tersebut telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Fung Beng Tiat v. Marid Construction Co* [1997] 2 CLJ 1, dan satu keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Syarikat Nip Kui Cheong Timber Contractor v. Safety Life And General Insurance Co. Sdn. Bhd.* [1975] 2 MLJ 115. Setelah meneliti kedua-dua kes ini, saya berpendapat bahawa kedua-duanya adalah tidak berkaitan dengan isu di hadapan mahkamah ini. Dalam kes *Fung Beng Tiat v. Marid Construction Co.* ternyata pada saya bahawa soal yang dibangkitkan adalah sama ada sesuatu petisyen boleh difailkan di mahkamah bagi sesuatu negeri yang lain daripada tempat penghutang menetap. Dalam kes ini keterangan jelas menunjukkan bahawa penghutang, dalam tempoh satu tahun sebelum petisyen dikemukakan, tidak menetap di Kuala Lumpur atau mana-mana negeri di Malaysia Barat tetapi biasanya menetap di Sandakan, Sabah. Dengan yang demikian telah diputuskan bahawa mahkamah yang mempunyai bidang kuasa wilayah terhadap tindakan kebankrapan tersebut adalah Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Begitu juga dalam kes *Syarikat Nip Kui Cheong Timber Contractor v. Safety Life And General Insurance Co. Sdn. Bhd.*, soal yang dibangkitkan adalah sama ada plaintif yang mempunyai tempat perniagaan di Tawau Sabah boleh memulakan tindakan di Semenanjung Malaysia sebagai suatu firma berdasarkan A. 48A k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Agong 1957. Aturan 48A tersebut membolehkan seseorang yang 'menjalankan urusan dalam bidang kuasa' untuk mendakwa dan didakwa atas nama firma. Dalam kes itu telah diputuskan bahawa plaintif yang menjalankan urusan di Tawau, Sabah tidak menjalankan urusan dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaya dan dengan yang demikian tidak boleh memulakan tindakan atas nama firma tersebut.

Dalam kes di hadapan mahkamah ini, pada hemat saya soal yang perlu dijawab ialah sama ada penghakiman yang diperolehi di Mahkamah Sesyen Kuching boleh dijadikan asas bagi suatu tindakan kebankrapan yang dimulakan di Mahkamah Tinggi Malaya. Adalah tidak dipertikaikan bahawa Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan telah menubuhkan dua Mahkamah Tinggi yang berasingan di Malaysia, iaitu Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, yang menjalankan bidang kuasa wilayah yang berbeza ke atas kawasan geografi yang berbeza di negara ini. Namun demikian adalah jelas pada saya bahawa pembahagian bidang kuasa wilayah yang dinyatakan di bawah Perkara 121 tersebut hanya berkenaan dengan Mahkamah Tinggi sahaja dan tidak diperluaskan bagi meliputi mahkamah-mahkamah rendah (inferior courts) seperti mahkamah sesyen. Memandangkan bahawa penghakiman ini telah diperolehi dari mahkamah sesyen, iaitu suatu cabang mahkamah rendah, maka pada pendapat saya soal mengenai bidang kuasa wilayah tidak timbul langsung.

Adalah juga ternyata pada saya bahawa peguam terpelajar tersebut telah terkeliru mengenai isu bidang kuasa ke atas sesuatu kausa atau perkara dengan kuasa untuk melaksanakan sesuatu perintah dan penghakiman. Dalam hal mahkamah tinggi sekalipun, walaupun terdapat dua bidang kuasa wilayah yang berbeza, tetapi Perkara 121(3) Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan bahawa apa-apa perintah, dikri, penghakiman atau proses kedua-dua mahkamah tinggi tersebut mempunyai kuatkuasa dan kesan yang penuh di seluruh Persekutuan. Oleh itu bagi maksud perlaksanaan dan penguatkuasaan tidak terdapat apa-apa perbezaan bagi penghakiman yang diperolehi di mana-mana negeri dalam Persekutuan.

Kesimpulannya penghakiman yang diperolehi dari mahkamah rendah di Sarawak boleh dijadikan asas bagi pengeluaran notis kebankrapan atau petisyen pemiutang di Mahkamah Tinggi Malaya, dengan syarat penghutang memenuhi syarat-syarat mengenai domisil atau tempat tinggal atau tempat perniagaan, mengikut mana yang berkenaan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 5 Akta Kebankrapan 1967.

Adalah ternyata dalam kes ini bahawa pernyataan dalam petisyen pemiutang bahawa penghutang mempunyai alamat tempat tinggal di Kota Bharu di Negeri Kelantan tidak dipertikaikan oleh penghutang. Malahan dalam afidavit sokongannya penghutang sendiri menggunakan alamat tempat tinggalnya di Kota Bharu Kelantan. Oleh itu jelas bahawa penghutang berdomisil di Negeri Kelantan, dan dengan yang demikian pemfailan notis kebankrapan dan petisyen pemiutang berkenaan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu adalah teratur dan menepati kehendak Akta Kebankrapan 1967.

Penghakiman Yang Disertakan Tidak Mematuhi k. 92

Dalam afidavit sokongannya penghutang mempertikaikan keesahan notis kebankrapan tersebut atas alasan bahawa penghakiman yang dikatakan disertakan besama-sama notis itu bukannya suatu salinan yang disahkan atau salinan pejabat. Menurut peguam terpelajar itu kegagalan menyertakan salinan bermeterai atau salinan sah sedemikian adalah bertentangan dengan kehendak k. 92 Kaedah-Kaedah Kebankrapan.

Adalah jelas bahawa peguam terpelajar itu telah terkeliru tentang maksud dan tujuan k. 92 tersebut. Pada saya kaedah itu tidak berkaitan langsung dengan penyerahan notis kebankrapan tetapi ia memperuntukkan tentang dokumen-dokumen yang perlu disertakan apabila membuat permohonan bagi pengeluaran notis kebankrapan kepada pendaftar. Dalam kes sekarang ini setelah membuat semakan ke atas penghakiman yang disertakan demikian, adalah tidak diragukan bahawa penghakiman yang disertakan dengan permohonan tersebut adalah suatu salinan pejabat penghakiman berkenaan.

Kegagalan Mematuhi k. 109 Dan k. 111 Kaedah-kaedah Kebankrapan

Selanjutnya En. Nasrul telah menghujahkan bahawa pemiutang juga telah tidak mematuhi kehendak k. 109 dan k. 111 Kaedah-Kaedah Kebankrapan yang masing-masingnya memperuntukkan mengenai penyerahan salinan petisyen bermeterai dan pemfailan afidavit penyampaian. Peguam terpelajar tersebut menarik perhatian mahkamah kepada perkataan “shall” yang digunakan dalam kedua-dua kaedah tersebut, dan berpendapat bahawa kegagalan pemiutang menyerahkan salinan petisyen bermeterai kepada penghutang, dan melampirkan petisyen bermeterai berkenaan pada afidavit penyampaian yang difailkan di mahkamah adalah suatu salahaturan yang membatalkan notis kebankrapan dan petisyen pemiutang tersebut kedua-duanya.

Bagi menyokong hujahnya En. Nasrul telah merujuk kepada kes *Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v. Pua Lai Ong* [1996] 3 CLJ 321 di mana Mahkamah Rayuan telah membuat tafsiran kepada perkataan “must” di bawah A. 32 k. 13(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Dalam kes tersebut Siti Norma Yaakob JCA (Yang Arif pada masa itu) telah membuat pemerhatian

bahawa perkataan "must" yang terdapat di bawah kaedah tersebut hendaklah ditafsirkan sebagai membawa pengertian yang mandatori, iaitu diberi pengertian yang sama dengan perkataan "shall" yang tidak memberi apa-apa kuasa budibicara kepada mahkamah. Dalam konteks yang sama En. Nasrul menghujahkan bahawa kehendak bagi penyerahan dan pemfailan petisyen pemiutang bermeterai di bawah kedua-dua kaedah berkenaan adalah suatu perkara yang mandatori yang, jika tidak dipatuhi, akan membatalkan petisyen yang berkaitan dengannya.

Kaedah 109(1) Kaedah-Kaedah Kebankrapan memperuntukkan seperti berikut:

> 109. A creditor's petition shall be personally served and service shall be effected by an officer of the Court or by the creditor or his solicitor or a person in their employment by delivering a sealed copy of the petition to the debtor.

Kaedah 111(2) pula berbunyi:

> 111(2) The affidavit with a sealed copy of the petition annexed and referred to as an exhibit shall be filed in Court after service.

Adalah jelas daripada kedua-dua peruntukan tersebut di atas bahawa petisyen yang perlu diserahkan kepada penghutang, dan yang hendak dilampirkan kepada afidavit penyampaian, adalah salinan petisyen yang dimeterai. Soalnya sama ada kegagalan menyerahkan atau melampirkan petisyen bermeterai sedemikian boleh menjadikan petisyen berkenaan tidak sah hingga boleh diketepikan. En Zamzuri, peguam terpelajar penghutang, telah merujuk kepada beberapa keputusan Mahkamah Tinggi, iaitu *Re Ong Thiam Kuang, ex p Public Bank Bhd & Ors* [2002] 2 CLJ 529, *Re Bahanudin Hj Mokhtar, ex p RHB Bank & Ors* [2000] 1 CLJ 593, dan *Re Hj Yahya Lampang, ex p Sabah Development Bank Bhd* [1987] 2 MLJ 488, yang memberikan jawapan negatif kepada soalan tersebut.

Dalam *Re Ong Thiam Kuang, ex p Public Bank Bhd & Ors*, di antara isu yang dibangkitkan ialah sama ada petisyen pemiutang tak bermeterai yang disampaikan kepada penghutang melalui penyampaian ganti melanggari k. 109 Kaedah-Kaedah Kebankrapan. Bagaimanapun dalam kes ini keputusan telah dibuat berdasarkan k. 110 (iaitu mengenai penyampaian ganti) di mana hakim yang bijaksana telah memutuskan bahawa kaedah tersebut tidak menetapkan bahawa petisyen yang disampaikan itu mesti dimeteraikan. Berkenaan dengan petisyen yang diperlu dilampirkan pada afidavit penyampaian, mahkamah memutuskan bahawa kegagalan berbuat demikian tidaklah menyebabkan apa-apa ketidakadilan substansial kepada penghutang penghakiman.

Kes *Re Bahanudin HJ Mokhtar, ex p RHB Bank & Ors* juga menyentuh tentang ketidakpatuhan kepada k. 109 dan 111(2) tersebut. Dalam kes ini mahkamah juga telah memutuskan bahawa walaupun petisyen bermeterai tidak diserahkan atau disertakan pada afidavit penyampaian, mahkamah berpendapat bahawa ketidakpatuhan tersebut tidak menjadikan penyampaian petsiyen tak bermeterai tersebut sebagai tidak sah. Begitu juga dalam *Re Haji Yahya Lampang ex p Sabah Development Bank*, mahkamah juga telah memutuskan bahawa penyampaian suatu petisyen tak bermeterai itu walaupun tidak menepati kehendak k. 109 tersebut tetapi disahkan oleh s. 131 Akta Kebankrapan memandangkan petisyen itu tidak mengelirukan penghutang.

Saya bersetuju dengan keputusan ketiga-tiga kes tersebut di atas. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang ini, walaupun petisyen yang diserahkan pada penghutang atau yang dilampirkan pada afidavit penyampaian tersebut adalah petisyen tak bermeterai tetapi ternyata bahawa penghutang tidak terkeliru dengan petisyen tersebut. Saya juga mendapati bahawa petisyen yang di failkan di mahkamah adalah petisyen yang telah dimeterai dengan meterai mahkamah. Tidak ada apa-apa perbezaan di antara petisyen yang difailkan sedemikian dengan petisyen yang dilampirkan pada afidavit penyampaian. Selain daripada membangkitkan isu ketidakpatuhan ini dalam afidavit sokongannya, tiada apa-apa yang terkandung dalam afidavit tersebut yang boleh menunjukkan bahawa penghutang telah terkeliru dengan maksud petisyen tersebut ataupun dia telah mengalami apa-apa prejudis akibatnya. Seperti yang telah diputuskan dalam kes-kes tersebut di atas ketidakpatuhan sedemikan adalah suatu kecacatan formal semata-mata yang boleh diatasi melalui s. 131 Akta Kebankrapan.

Atas alasan-alasan tersebut di atas, rayuan penghutang adalah dengan ini ditolak dengan kos.